

## Pelajar Perlu Fokus Usaha Menimba Ilmu Pengetahuan: Datuk Dr. Mary Yap

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 Oktober 2017 11:29 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 939

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**SELASA, 5 SEPTEMBER** - Para pelajar universiti perlu fokus kepada tugas atau tanggungjawab utama iaitu menimba ilmu pengetahuan kata Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching.

"Sekiranya pelajar dapat memenuhi tanggungjawab ini, pada empat atau lima tahun akan datang graduan yang dilahirkan adalah antara produk terbaik universiti yang pastinya menjadi kebanggaan keluarga, rakyat dan negara khususnya Negeri Sabah pada keseluruhannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat sempena program Ramah Mesra Bersama Pelajar Baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) sesi 2017/2018 di Dewan Canselor, hari ini.

Menurut Datuk Dr. Mary, para pelajar juga perlu menjauhi budaya negatif yang menjurus kepada perpecahan sekali gus menghargai erti kemerdekaan dengan menolak budaya kebencian dan usaha menanam emosi kemarahan bagi mengekalkan keharmonian negara.

Beliau turut menaruh keyakinan bahawa pelajar universiti sentiasa bersama-sama dalam menjayakan agenda besar pendidikan negara bagi menjana modal insan berkualiti yang akan menjadi pewaris demi kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan negara.

"Memang kita akui dan sedar, dalam menjana modal insan mengikut acuan kita sendiri dan pada masa yang sama dalam pentas global bukan usaha dan proses yang mudah. Terlalu banyak cabaran dan usaha yang perlu dilaksanakan.

"Oleh itu kita telah berusaha mengorak langkah awal bagi memastikan visi dan aspirasi iaitu akses kepada kejayaan, kualiti standard antarabangsa yang tinggi, ekuiti untuk semua pelajar, perpaduan dan efisiensi atau kecekapan yang tinggi dalam pelaksanaan dasar dan program pendidikan dapat direalisasikan," jelas Datuk Dr. Mary.

Pada majlis itu beliau turut menyempurnakan pelancaran manual sistem iCGPA UMS.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D. Kamarudin D. Mudin; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ismail Ali; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof; Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rasid Mail; Pendaftar, No'man Hj. Ahmad; Ketua Pustakawan, Dayang Rukiah Awang Amit; dan Bendahari, Zaliffah Shahdan.

Foto: Ernest Berinus